

#MSMW2015: Ada soalan untuk Tun Mahathir?

Astro Awani

April 22, 2015

Oleh Syafique Shuib

KUALA LUMPUR: Mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ceramah khas mengenai media sosial dan masa depan bersempena Minggu Media Sosial 2015 (MSMW2015) di Berjaya Times Square esok.

"Kehadiran Tun Mahathir adalah antara antara kemuncak MSMW2015.

"Beliau akan mengulas tentang peranan media sosial sebagai penggerak utama dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara," kata pengasas dan presiden Dewan Media Sosial Malaysia, Shahul Hameed Dawood di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Setakat ini, pihak penganjur juga tidak dapat memberikan butiran lanjut tentang ucapan Tun Mahathir, namun ia pasti akan menjadi acara yang dinanti-nanti oleh warga media sosial yang hadir.

Sebagai seorang blogger yang aktif mengetengahkan tentang isu-isu semasa menerusi laman web popularchedet.cc, ramai ingin tahu pendapat Tun Mahathir tentang landskap media sosial di Malaysia.

Kami di AstroAwani.com juga ingin memberikan peluang kepada anda, jika anda mempunyai soalan untuk Tun Mahathir.

Pada sesi soal jawab, kami akan memilih soalan yang terbaik dan akan bertanyakan soalan itu kepada Tun Mahathir.

Kongsi soalan anda ke feedback@astroawani.com atau Tweet kepada akaun rasmi Twitter Astro AWANI, [@501Awani](https://twitter.com/501Awani).

Ini merupakan edisi ke-4 Minggu Media Sosial Malaysia dianjurkan. Bermula pada 21 April, ia menampilkan pelbagai acara berkaitan media sosial. Antaranya adalah persidangan dua hari yang menampilkan pakar media sosial tempatan dan antarabangsa.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/msmw2015-ada-soalan-untuk-tun-mahathir-58403>